

Pada suatu hari yang cerah, saya berjalan pulang ke rumah selepas menghadiri kelas tambahan di sekolah. Apabila saya sampai di sebuah padang, tiba-tiba saya ternampak asap berkepul-kepul keluar dari sebuah rumah yang berdekatan dengan padang itu.

Saya pun berjalan ke tempat kejadian untuk mengetahui apa yang telah berlaku. Rupa-rupanya rumah Pak Abu dijilat api. Ramai orang berkumpul di sana. Mereka menghulurkan bantuan kepada Pak Abu. Mereka menolong Pak Abu memindahkan barangan yang berharga dari rumah.

Api semakin merebak. Seorang pemuda menelefon pihak polis dan pihak bomba dengan menggunakan telefon awam. Orang ramai cuba memadamkan api dengan menggunakan air paip tetapi tidak Berjaya.

Tidak lama kemudian, sebuah kereta polis dan sebuah kereta bomba pun tiba di tempat kejadian. Anggota bomba bertungkus lumus memadamkan api. Pihak polis pula mengawal trafik di tempat kejadian.

Setengah jam kemudian, api itu berjaya dipadamkan. Rumah Pak Abu hangus terbakar. Semua harta bendanya musnah dalam kebakaran itu. Pak Abu berasa sedih kerana dia hanya tinggal sehelai sepinggang.

Malang tidak berbau. Oleh itu, kita harus berhati-hati semasa menggunakan api untuk mengelakkan kebakaran.